

Terma dan Syarat – Kempen Kembara Tokyo Jepun Maybank Visa 2020

1. “Kempen Kembara Tokyo Jepun Maybank Visa 2020” (“Kempen”) bermula pada 1 Ogos 2019 jam 12.00 malam waktu Malaysia sehingga 31 Oktober 2019 jam 11.59 malam waktu Malaysia (kedua-dua tarikh termasuk) kecuali diberitahu sebaliknya (“Tempoh Kempen”).

2. Kelayakan

- 2.1 Kempen ini dibuka kepada semua Ahli Kad Utama bagi Kad Kredit Visa Maybank dan/atau Maybank Islamic (“Kad Maybank”), yang baharu dan yang sedia ada, yang dikeluarkan oleh Malayan Banking Berhad (No. Syarikat 3813-K) dan/atau Maybank Islamic Berhad (No. Syarikat 787435-M) (secara kolektif dirujuk sebagai “Maybank”) yang berjaya mendaftarkan diri untuk Kempen ini melalui SMS (“Ahli Kad yang Layak”).
- 2.2 Orang yang berikut TIDAK layak menyertai Kempen ini:
 - a) Ahli Kad yang akaun Kad Maybanknya tertunggak, digantung, dibatalkan, atau melanggar mana-mana terma dan syarat yang dinyatakan di sini dan/atau Perjanjian Kad Maybank sepanjang Tempoh Kempen;
 - b) Ahli Kad bagi Kad Maybank yang gagal membuat bayaran bagi apa-apa kemudahan yang diberikan oleh Maybank pada bila-bila masa;
 - c) Ahli Kad bagi Kad Komersial/Korporat Maybank; atau
 - d) Pekerja tetap dan kontrak Jabatan Pemasaran Kad, Maybank Malaysia dan Jabatan Pemasaran Kad Serantau.
- 2.3 Bagi mengelakkan keraguan, pekerja tetap dan kontrak Maybank (Jabatan Pemasaran bukan Kad, Maybank Malaysia dan Jabatan Pemasaran bukan Kad Serantau) dan/atau vendor, pembekal, agensi pengiklanan dan promosi bagi Kempen ini layak menyertai Kempen dan berpeluang memenangi Hadiah Sagu Hati (diterangkan dalam fasal 6.3 di bawah) sahaja.

3. Pendaftaran SMS

- 3.1 Pendaftaran adalah berasaskan sekali sahaja dengan menggunakan mana-mana nombor syarikat telekomunikasi (“Telco”) berdaftar dan mesti dibuat oleh ahli Kad Utama dalam Tempoh Kempen seperti di bawah:
 - a) “Pendaftaran adalah berasaskan sekali sahaja, Taip **VISA** <ruang> **Nombor Kad Pengenalan 12 digit tanpa ruang** dan hantar ke **66628** (contoh, VISA 810721106658); atau
 - b) Bagi Ahli Kad Utama bukan warganegara Malaysia, Taip **VISA** <ruang> **Nombor Pasport tanpa ruang** dan hantar ke **66628** (contoh, VISA B123456)
- 3.2 Ahli Kad Utama yang memiliki beberapa Kad Maybank hanya dikehendaki mendaftar sekali sahaja dalam Tempoh Kempen untuk menyertai Kempen ini.
- 3.3 Ahli Kad yang Layak bertanggungjawab membayar caj SMS standard yang dikenakan oleh penyedia perkhidmatan telekomunikasi (“Telco”) masing-masing bagi setiap SMS pendaftaran yang dihantar ke nombor “66628” yang ditetapkan di bawah Kempen ini.
- 3.4 Pembatalan dan/atau perubahan bagi apa-apa butiran tidak akan diterima selepas SMS pendaftaran berjaya dihantar ke 66628.

- 3.5 Ahli Kad yang Layak bertanggungjawab sepenuhnya memastikan butiran dalam SMS pendaftaran yang dihantar ke 66628 adalah lengkap, tepat dan dihantar semasa Tempoh Kempen, dan jika gagal berbuat demikian, SMS pendaftaran tersebut tidak akan diproses dan dianggap sebagai tidak sah atau tidak berjaya.
- 3.6 Bukti SMS yang dihantar ke 66628 oleh Ahli Kad yang Layak tidak akan dianggap sebagai pendaftaran SMS yang berjaya melainkan Ahli Kad yang Layak menerima SMS pengesahan dari 66628 dan SMS pengesahan tersebut akan dihantar ke nombor telefon bimbit yang sama yang digunakan untuk pendaftaran, tertakluk pada trafik SMS rangkaian Telco masing-masing. SMS pengesahan dijana secara automatik untuk mengesahkan penerimaan pendaftaran yang berjaya dan tidak boleh dianggap sebagai pemberitahuan bahawa Ahli Kad yang Layak telah disahkan sebagai Pemenang bagi apa-apa Hadiah.
- 3.7 Maybank berhak membatalkan mana-mana SMS pendaftaran yang dihantar ke 66628 disebabkan oleh, termasuk tetapi tidak terhad pada, pendaftaran dua kali, nombor kad pengenalan yang tidak sah, format SMS yang tidak betul, penghantaran SMS yang tidak berjaya atau lewat semasa Tempoh Kempen tanpa memberikan apa-apa alasan baginya dan tidak bertanggungjawab terhadap pembatalan kelayakan tersebut.
- 3.8 Maybank tidak bertanggungjawab dan tidak mempunyai apa-apa kawalan ke atas trafik SMS, kegagalan dan/atau gangguan rangkaian yang disebabkan oleh pihak Telco masing-masing atau vendor SMS Maybank atau apa jua sebab lain semasa proses penghantaran SMS pendaftaran ke 66628 atau penghantaran SMS pengesahan dari 66628 kepada Ahli Kad yang Layak yang mungkin mengakibatkan kelewatan pendaftaran SMS semasa Tempoh Kempen.
- 3.9 Perkhidmatan SMS disediakan dan disokong oleh penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh Maybank, iaitu Macro Kiosk Berhad.

4. Penyertaan yang Layak

- 4.1 Apabila pendaftaran SMS berjaya dilakukan, Ahli Kad yang Layak perlu memenuhi “Perbelanjaan yang Layak (diterangkan selanjutnya dalam fasal 4.3)” untuk memperoleh Penyertaan yang Layak dan peluang memenangi Hadiah yang dinyatakan dalam Fasal 5 seperti ditunjukkan di bawah:

Penyertaan yang Layak	Keperluan Perbelanjaan
1x Penyertaan	Setiap satu transaksi RM100 bagi runcit/e-dagang tempatan
5x Penyertaan	Setiap satu transaksi RM100 bagi runcit/e-dagang luar negara
10x Penyertaan	Kredit Visa Utama yang Baharu–bagi–Bank yang diluluskan dengan perbelanjaan minimum RM100 dalam tempoh 60 hari

- 4.2 Bagi mengelakkan keraguan:
- Perbelanjaan tambahan akan dikumpulkan untuk Ahli Kad Utama.
 - Hanya Ahli Kad Utama Layak menyertai Kempen.
 - Ahli Kad Utama yang “Baharu-bagi-Bank” merujuk:
 - tidak pernah menjadi Ahli Kad Utama bagi Maybank Mastercard, Visa atau American Express
 - Ahli Kad Utama yang kad Maybank Mastercard, Visa atau American Expressnya telah dibatalkan lebih daripada enam (6) bulan sebelum ini.

- 4.3 Perbelanjaan yang Layak hendaklah termasuk pembelian runcit dan dalam talian yang dibuat di dalam dan di luar negara, Auto PayBills, isian semula automatik bagi Kad Maybank Touch n' Go Zing, Pelan Ansuran 0% EzyPay ("Ezypay") yang dilakukan melalui Kad Maybank semasa Tempoh Kempen berdasarkan masa transaksi tempatan; dan Penyertaan yang Layak hendaklah diperuntukkan menurut Fasal 4.1. Bagi mengelakkan keraguan, EzyPay hendaklah dianggap sebagai Perbelanjaan yang Layak berdasarkan amaun transaksi penuh, dan semua transaksi yang dibuat di luar negara dalam mata wang asing akan ditukar kepada Ringgit Malaysia (RM) berdasarkan kadar pertukaran dalaman semasa MayBank.
- 4.4 Perbelanjaan yang Layak tidak termasuk ansuran bulanan EzyPay, EzyPay Plus, pendahuluan tunai, pemindahan baki, pemindahan dana, baki belum bayar, pembalikan, fi dan caj yang dikenakan oleh Maybank.
- 4.5 Transaksi runcit berasingan dan/atau berulang sebanyak lima (5) kali dan lebih dalam sehari daripada pedagang yang sama tidak dibenarkan dan akan hilang kelayakan.
- 4.6 Pengiraan jumlah Perbelanjaan yang Layak adalah berdasarkan semua Kad Maybank yang sah yang dikeluarkan di bawah Ahli Kad yang Layak yang sama sepanjang Tempoh Kempen apabila pendaftaran SMS berjaya dilakukan seperti yang dinyatakan di bawah:

Contoh:	Tarikh Pendaftaran yang Berjaya	Pengiraan Perbelanjaan yang Layak
Ahli Kad Berdaftar A	1 Ogos 2019	1 Ogos – 31 Oktober 2019
Ahli Kad Berdaftar B	25 September 2019	1 Ogos – 31 Oktober 2019
Ahli Kad Berdaftar C	31 Oktober 2019	1 Ogos – 31 Oktober 2019

- 4.7 Perbelanjaan yang Layak oleh Ahli Kad Tambahan di bawah akaun Kad Maybank bagi Ahli Kad Utama hendaklah dianggap sebagai Perbelanjaan yang Layak bagi Ahli Kad Utama.

5.0 Hadiah

- 5.1 Terdapat dua (2) kategori hadiah di bawah Kempen ini ("Hadiah") seperti yang berikut:

Kategori Hadiah	Bilangan Pemenang
Hadiah Utama : Lawatan ke Tokyo, Jepun	8 Pemenang
Hadiah Sagu Hati : Pulangan Tunai RM100	300 Pemenang

6.0 Pemilihan Pemenang

- 6.1 Berdasarkan Penyertaan yang Layak yang diperoleh, Ahli Kad yang Layak akan disenarai pendek melalui program pemilihan rambang Maybank untuk Hadiah yang berkenaan.

6.2 Hadiah Utama – Lawatan ke Tokyo Jepun 2020

- (a) Ahli Kad yang Layak yang disenarai pendek akan dihubungi oleh wakil Maybank melalui nombor telefon bimbit yang didaftarkan atau direkodkan dalam sistem Maybank untuk menyertai Kempen pada bila-bila masa semasa waktu pejabat untuk menjawab satu (1) soalan.
- (b) Ahli Kad yang Layak yang disenarai pendek akan dianggap sebagai pemenang jika dia boleh menjawab soalan dengan betul ("Pemenang Hadiah Utama").

- (c) Jika Ahli Kad yang Layak yang disenarai pendek tidak dapat menjawab soalan dengan betul, Ahli Kad yang Layak yang seterusnya mengikut turutan akan disenarai pendek dan dihubungi untuk menjawab soalan.
- (d) Jika Ahli Kad yang Layak yang disenarai pendek tidak dapat dihubungi selepas tiga (3) percubaan pada hari yang sama atas apa jua alasan dan/atau Ahli Kad yang disenarai pendek itu ingin menarik diri daripada Kempen apabila dihubungi oleh wakil Maybank, dia akan dibatalkan daripada menyertai Kempen.
- (e) Panggilan akan dibuat hanya kepada Ahli Kad Utama.

6.3 Hadiah Sagu Hati – Pulangan Tunai RM100

- (a) Mengikut susunan pemilihan dalam program pemilihan secara rambang Maybank, 300 Ahli Kad yang Layak pertama yang disenarai pendek akan dianggap sebagai pemenang akhir ("Pemenang Pulangan Tunai").

6.4 Setiap Ahli Kad yang Layak berhak memenangi satu (1) Hadiah sahaja sepanjang Kempen ini.

7.0 Syarat Menerima Hadiah

7.1 Semasa pemberian Hadiah, semua akaun Kad Maybank bagi Ahli Kad yang Layak mestilah tidak mempunyai tunggakan, dan/atau tidak sah atau dibatalkan; jika tidak, dia tidak layak menerima Hadiah Kempen ini.

7.2 Hadiah Utama – Kembara Tokyo Jepun 2020

- (a) Pakej Pelancongan (2 Orang) termasuk:
 - Tiket penerbangan kelas ekonomi pergi dan balik
 - Elaun cukai lapangan terbang & bagasi
 - Penginapan
- (b) Pakej pelancongan tidak termasuk:
 - Perbelanjaan mendapatkan visa atau permit yang diperlukan untuk perjalanan luar negara.
 - Maybank tidak bertanggungjawab mendapatkan visa atau permit yang diperlukan bagi pihak Pemenang dan tidak bertanggung menyediakan hadiah ganti jika Pemenang gagal mendapatkan visa atau permit yang diperlukan.
 - Bayaran Tambahan Musim Kemuncak akan dikenakan pada musim puncak.
 - Panggilan telefon jarak jauh, perkhidmatan bilik, dobi, barang di dalam peti sejuk, perkhidmatan bilik, kehilangan atau kerosakan harta hotel, atau apa-apa perbelanjaan lain yang ditanggung semasa berada di hotel.
 - Perbelanjaan peribadi yang tidak berkaitan dengan program (membeli-belah, pengangkutan ke lokasi setempat pada waktu lapang bukan sebahagian daripada perbelanjaan lawatan, perbelanjaan makanan selain hidangan yang dijadualkan).
 - Perlindungan insurans kemalangan.
 - Apa-apa cukai peribadi yang mungkin dikenakan kepada tetamu berhubung dengan penerimaan pakej atau mana-mana bahagiannya.
 - Hadiah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau kredit atau bukan wang, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.

- Pemenang dan orang yang mengiringi Pemenang mesti berumur sekurang-kurangnya 18 tahun dan ke atas.
- (c) Surat pengesahan akan dihantar ke alamat bil Pemenang Hadiah Utama yang direkodkan dalam sistem Maybank dalam tempoh enam belas (16) minggu selepas berakhirnya Tempoh Kempen.
 - (d) Jika Pemenang Hadiah Utama, disebabkan alasan yang tidak dapat dielakkan tetapi tidak terhad kepada hilang upaya fizikal, meminta supaya digantikan dengan ahli keluarganya yang lain atau rakan untuk menghadiri Majlis Penyampaian Hadiah, dia hendaklah menghantar e-mel kepada atau menghubungi Maybank tidak kurang daripada lima (5) hari kerja sebelum Majlis Penyampaian Hadiah.
 - (e) Maybank berhak menurut budi bicaranya membenarkan atau tidak membenarkan pemindahan tersebut dengan surat kebenaran daripada Pemenang Hadiah Utama.
 - (f) Semua kos, fi dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung oleh Pemenang Hadiah Utama berhubung dengan Kempen dan/atau tuntutan Hadiah, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada kos pengangkutan, penginapan, makanan, kos peribadi dan/atau apa-apa kos lain, adalah menjadi tanggungjawab Pemenang Hadiah Utama sepenuhnya.
 - (g) Jika Pemenang Hadiah Utama tidak dapat menghadiri Majlis Penyampaian Hadiah, secara automatik dia menjadi tidak layak dan tiada pampasan atau pengaturan akan dibuat selepas Majlis Penyampaian Hadiah tersebut.

7.3 Hadiah Sagu Hati: Pulangan Tunai RM100

- (a) Pulangan Tunai RM100 akan dikreditkan ke dalam akaun Kad Maybank Utama bagi Pemenang Pulangan Tunai dalam tempoh empat (4) minggu selepas pengumuman Pemenang dan akan dimasukkan dalam penyata kad kredit bagi bulan berikutnya selepas tarikh pulangan tunai dikreditkan.
- 7.4 Pengumuman Pemenang (contoh, Nama dan Nombor Kad Maybank terlindung) juga akan dibuat di laman web Maybank www.maybank2u.com.my dalam tempoh enam belas (16) minggu selepas berakhirnya Tempoh Kempen.
 - 7.5 Jika terdapat apa-apa pertikaian tentang atau tiada penerimaan Hadiah Sagu Hati, Pemenang dikehendaki menghubungi Perkhidmatan Pelanggan MayBank di 1300 88 6688 selewat-lewatnya pada **31 Januari 2020** untuk meminta siasatan dijalankan. Permintaan terhadap apa-apa siasatan selepas **31 Januari 2020** tidak akan dilayan.
8. SMS yang dihantar oleh Ahli Kad yang Layak ke 66628 untuk tujuan pendaftaran akan dianggap sebagai persetujuan untuk menyertai Kempen ini. Dengan menyertai Kempen ini, Ahli Kad yang Layak/Pemenang:
 - (a) bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat dalam dokumen ini;
 - (b) bersetuju bahawa semua rekod transaksi yang direkodkan oleh sistem Maybank dalam Tempoh Kempen berdasarkan tarikh dan masa tempatan adalah tepat dan muktamad;

- (c) bersetuju bahawa semua keputusan Maybank dalam semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat semua Ahli Kad yang Layak/Pemenang. Rayuan atau surat-menyurat selanjutnya tidak akan dilayan;
- (d) bersetuju bahawa apa-apa pembalikan Perbelanjaan yang Layak akan dikecualikan;
- (e) memberi kebenaran kepada Maybank untuk mendedahkan butiran mereka kepada penyedia perkhidmatan pihak ketiga/pembekal yang dibenarkan termasuk vendor, pembekal, agensi pengiklanan dan promosi yang dilantik oleh Maybank bagi tujuan menghubungi mereka dalam tempoh dan selepas Kempen ini;
- (f) memberi kebenaran Maybank untuk menyiarkan nama mereka, gambar yang diambil atau maklumat lain yang mereka berikan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti semasa dan pada masa depan dalam apa-apa bahan pengiklanan atau publisiti yang berkaitan dengan Kempen ini tanpa apa-apa pampasan;
- (g) bersetuju untuk bertanggungjawab atau dimaklumkan atau sebaliknya mendapatkan apa-apa notis yang disiarkan secara sah dengan mengakses laman web Maybank di www.maybank2u.com.my untuk melihat terma dan syarat dan apa-apa perubahan pada terma dan syarat dan dianggap telah menerima sewajarnya Terma dan Syarat yang disemak semula dengan terus menyertai Kempen ini selepas apa-apa semakan pada Terma dan Syarat ini dan hendaklah mendapatkan penjelasan daripada Maybank jika mana-mana Terma dan Syarat ini tidak difahami sepenuhnya; tidak berhak membuat tuntutan untuk mendapatkan apa-apa pampasan daripada Maybank atau mana-mana pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) bagi apa-apa dan semua kerugian dan kerosakan yang dialami atau yang ditanggung melalui penyertaannya dalam Kempen ini, sama ada sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada tindakan meminda, menamatkan atau menggantung Kempen ini.

9 Notis Privasi Maybank

- 9.1 Dengan menyertai Kempen ini, Ahli Kad yang Layak/Pemenang bersetuju dan membenarkan data peribadinya dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut Notis Privasi Maybank, yang boleh didapati di www.maybank2u.com.my ("Notis Privasi Maybank").
- 9.2 Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan terma dalam Notis Privasi Maybank, Ahli Kad yang Layak/Pemenang bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:
 - a) tujuan Kempen; dan
 - b) aktiviti pemasaran dan promosi yang dikendalikan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk media dan bahan pengiklanan atau publisiti, seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan dalam akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan digital serta di Internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan dan/atau penerbitan apa-apa butiran yang disediakan dalam dan/atau berkaitan dengan penyertaan, temu bual, bahan dan juga maklum balas serta gambar yang berkaitan. Sehubungan ini, setiap Ahli Kad yang Layak/Pemenang bersetuju bekerjasama dan turut serta dalam semua aktiviti pengiklanan dan promosi yang munasabah oleh Maybank berhubung dengan Kempen ini.

10. Maybank berhak untuk:
 - 10.1 tidak membenarkan mana-mana Ahli Kad yang tidak layak menurut budi bicara mutlakanya daripada menyertai Kempen ini; termasuk tetapi tidak terhad kepada Ahli Kad dengan bayaran belum dijelaskan selama tiga puluh (30) hari atau lebih, yang akaunnya disyaki dikendalikan secara fraud dan/atau ditutup oleh Maybank;
 - 10.2 menarik balik Hadiah jika terdapat pembalikan dalam Perbelanjaan yang Layak atau penamatan akaun Kad Maybank semasa tempoh Kempen atau tidak mematuhi terma dan syarat dalam dokumen ini;
 - 10.3 menarik balik/membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen lebih awal, seluruh atau sebahagiannya, dan/atau mengubah, menambah baik, menambah, menghapuskan, mengubah suai atau meminda terma dan syarat dalam dokumen ini, keseluruhan atau sebahagiannya mengikut budi bicara mutlakanya, dengan menyiarkannya di www.maybank2u.com.my, atau melalui kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Maybank dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu kepada Ahli Kad tentang penambahan, penghapusan atau pindaan pada terma dan syarat atau penamatan Kempen ini.
11. Maybank dan mana-mana pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak bertanggung dan bertanggungjawab terhadap:
 - 11.1 apa-apa kegagalan atau kelewatan dalam menghantar transaksi jualan melalui Visa International Incorporated, tempat jualan atau mana-mana pihak yang mungkin menyebabkan Ahli Kad tidak dapat menyertai Kempen ini;
 - 11.2 apa-apa kerugian, kehilangan atau kecederaan secara langsung, tidak langsung, khusus atau turutan walau dalam apa cara pun yang dialami oleh Ahli Kad yang Layak/Pemenang (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kerugian pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul daripada atau berkaitan dengan Kempen dan/atau penggunaan Hadiah; dan
 - 11.3 apa-apa kegagalan dalam obligasinya di bawah Kempen ini disebabkan oleh apa-apa kejadian force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, perang, rusuhan, mogok, sekatan, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau apa-apa kejadian yang di luar kawalan munasabah Maybank.
12. Terma dan syarat dalam dokumen ini hendaklah dikawal oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Ahli Kad bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
13. Selain terma yang ditetapkan di atas, Ahli Kad Utama/Pemenang bersetuju bahawa terma dan syarat am dalam Perjanjian Kad Maybank hendaklah dibaca bersama dengan Terma dan Syarat ini sebagai perjanjian keseluruhan.